



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



APLIKASI KONSEP KEJUJURAN DALAM AL-IJARAH THUMMA AL-BAI' (AITAB) DI INSTITUSI PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

APPLICATION OF THE CONCEPT OF HONESTY IN AL-IJARAH THUMMA AL- BAI' (AITAB) IN ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Hakimah Muhammad Zin^{1*}, Akmaliza Abdullah², Mohd Ariffin Ali³

¹ Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Email: hakimah@utm.my

² Fakulti Sains Sosial dan Sains Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Email: a_akmaliza@utm.my

³ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Malaysia

Email: g-81007983@moe-dl.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.10.2023

Revised date: 26.11.2023

Accepted date: 10.12.2023

Published date: 18.12.2023

To cite this document:

Muhammad Zin, H., Abdullah, A., & Ali, M. A. (2023). Aplikasi Konsep Kejujuran dalam *Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB)* di Institusi Perbankan Islam di Malaysia. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 5 (14), 23-30.

DOI: 10.35631/IRJSMI.514002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) merupakan suatu inovasi dalam kewangan Islam dan telah muncul sebagai suatu kaedah pembiayaan yang popular di institusi perbankan Islam di Malaysia. Pelaksanaan AITAB di Malaysia mestilah mematuhi konsep kejujuran yang merupakan prinsip penting dalam konteks muamalat. Elemen kejujuran memainkan peranan penting untuk membendung amalan yang tidak sihat dan memastikan pihak-pihak yang berkontrak tidak teraniaya. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah konsep kejujuran diaplikasikan dalam pembiayaan berasaskan AITAB di institusi perbankan Islam. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif. Data-data diperolehi dengan menggunakan kaedah analisis-kandungan melalui kajian keperpustakaan serta analisis dokumen dengan menganalisis dokumen perjanjian AITAB. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan AITAB di institusi perbankan Islam di Malaysia mengaplikasikan konsep kejujuran melalui pendedahan maklumat material berkaitan pembiayaan AITAB. Namun terdapat penambahbaikan yang dicadangkan bagi menambahbaik aplikasi konsep kejujuran dalam pembiayaan berasaskan AITAB di Malaysia.

Kata Kunci:

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB), Konsep Kejujuran, Institusi Perbankan Islam Malaysia

Abstract:

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) is an innovation in Islamic finance and has emerged as a popular method of financing in Islamic banking institutions in Malaysia. The implementation of AITAB in Malaysia must comply with the concept of honesty which is an important principle in the context of muamalat. The element of honesty plays an important role in curbing unhealthy practices and ensuring that the contracting parties are not wronged. Therefore, this paper aims to examine the extent to which the concept of honesty is applied in AITAB-based financing in Islamic banking institutions. This study employed qualitative research methodology. The data is obtained by using the method of content-analysis through library research as well as document analysis by analyzing AITAB agreement documents. The findings of the study showed that the implementation of AITAB in Malaysia applies the concept of honesty through the disclosure of material information related to AITAB financing. However, there are suggestions for the improvement of the application of the concept of honesty in AITAB-based financing in Malaysia.

Keywords:

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB), The Concept of Honesty, Malaysian Islamic Banking Institution

Pendahuluan

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) merupakan suatu inovasi dalam kewangan Islam dan telah muncul sebagai suatu kaedah pembiayaan yang popular di institusi perbankan Islam di Malaysia. Pelaksanaan AITAB mestilah mematuhi konsep kejujuran yang merupakan prinsip penting dalam dalam konteks muamalat. Elemen kejujuran memainkan peranan untuk membendung amalan perdagangan yang tidak sihat dan memastikan pihak-pihak yang berkontrak tidak teraniaya. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah konsep kejujuran diaplikasikan dalam pembiayaan berasaskan AITAB di institusi perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif. Data-data diperolehi melalui kaedah analisis-kandungan dengan menjalankan kajian keperpustakaan dan analisis dokumen. Kaedah analisis dokumen telah digunakan dengan menganalisis dokumen perjanjian AITAB di tiga buah institusi perbankan Islam di Malaysia yang menawarkan pembiayaan AITAB bagi memahami aplikasi konsep kejujuran dalam pelaksanaan AITAB di Malaysia.

Kajian Literatur

Konsep AITAB

Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) merujuk kepada kontrak sewa yang berakhir dengan pemindahan hak milik daripada pemunya kepada penyewa melalui suatu kontrak jualan di akhir tempoh sewaan apabila pembayaran penuh telah dibuat oleh penyewa (Khir, Gupta, & Shanmugam, 2008). Ia termasuk dalam kategori sewaan kewangan yang memberikan pilihan kepada penyewa untuk mendapatkan pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pembiayaan. AITAB adalah suatu produk perbankan Islam yang berasaskan kepada kontrak *Ijarah* dan *bai'*

(jual beli). Ia merupakan suatu inovasi dalam kewangan Islam yang dibangunkan hasil *ijtihad* para ulama. *Ijarah* dalam bentuk asal hanya melibatkan pemindahan manfaat sesuatu aset tanpa memindahkan hak milik dan bukanlah suatu kaedah pembiayaan kewangan. Namun, dalam konteks AITAB, *Ijarah* telah diinovasikan sebagai kaedah pembiayaan kewangan yang berakhir dengan pemindahan hak milik melalui kontrak jualan yang berlaku di akhir tempoh sewaan atau apabila penyelesaian awal telah dibuat oleh penyewa.

AITAB adalah salah satu produk terkini perbankan Islam yang berasaskan kepada kontrak *Ijarah* yang telah dibangunkan bagi memenuhi kehendak semasa dan mengelakkan risiko-risiko tertentu dalam pembiayaan kenderaan dan barangan pengguna (Yusoff, Kamdari & Masri, 2013). Ia telah distruktur khusus untuk kemudahan sewa beli Islam dengan pematuhan prinsip syariah. AITAB muncul sebagai suatu kaedah pembiayaan yang popular di kebanyakan perbankan Islam kerana tidak ramai pelanggan yang mampu membeli sesuatu aset secara tunai (El-Din & Abdullah, 2007; Abdullah, 2009).

AITAB telah diaplikasikan sebagai suatu kaedah pembiayaan yang popular di institusi perbankan Islam Malaysia terutamanya untuk pembiayaan kenderaan. Produk AITAB mula diperkenalkan oleh Bank Islam Malaysia Bhd. pada tahun 1983 dan seterusnya oleh bank-bank konvensional yang melaksanakan perbankan Islam. Kini, produk AITAB telah berkembang dan mendapat permintaan yang tinggi daripada pelanggan terutamanya untuk pembiayaan kenderaan (Dusuki & Abdullah, 2006; Hassan, Yusoff, & Muneeza, 2012; Yusoff et al., 2013). Aplikasi AITAB bagi pembiayaan kenderaan ini boleh dilihat dalam senarai produk pembiayaan di institusi perbankan Islam di Malaysia. Sebagai contoh, Kuwait Finance House (Malaysia) Bhd. menyediakan produk *Automobile Ijarah-i*, Affin Islamic Bank menawarkan produk *Hire Purchase-i* dan Maybank Islamic Bhd. menyediakan produk *Al-Ijarah Thumma Al Bai'* (AITAB). Namun terdapat juga institusi perbankan yang mengaplikasikan konsep AITAB untuk barangan perindustrian seperti peralatan, jentera dan mesin. Contohnya pembiayaan peralatan dan mesin untuk kegunaan industri ditawarkan oleh OCBC Al-Amin Bank, Hong Leong Islamic Bank, Ambank Islamic Bhd. dan HSBC Amanah Malaysia Berhad melalui produk *Industrial Hire Purchase-i* (IHP-i); manakala MBSB Bank menawarkan pembiayaan tersebut melalui *Equipment Financing-i*.

Modus Operandi AITAB

Operasi AITAB mengandungi dua kontrak berbeza yang akan berkuatkuasa secara berasingan. Di peringkat pertama, kontrak sewa akan berkuatkuasa iaitu penyewa akan menyewa aset daripada bank dan membayar sewa mengikut kadar bayaran dan tempoh sewaan yang dipersetujui. Kadar bayaran sewa ditentukan berdasarkan kepada harga aset dan tempoh penyewaan. Pada peringkat ini bank mempunyai milikan terhadap aset tersebut dan penyewa diberi pilihan untuk membeli aset tersebut apabila tempoh kontrak sewa telah tamat ataupun penyelesaian pembayaran awal telah dibuat. Jika pelanggan memilih untuk membeli aset tersebut, kontrak kedua akan dikuatkuasakan dengan memasuki perjanjian jual beli yang akan memindahkan hak milik aset kepada penyewa.

Pada kebiasaannya kontrak jualan dilaksanakan dengan hanya mengenakan harga nominal kerana bayaran sewa yang telah dibuat oleh penyewa sepanjang tempoh kontrak sewa tersebut akan diambil kira. Harga belian aset tersebut akan dikira berdasarkan kepada nilai aset, keadaan pasaran dan keuntungan yang dikehendaki oleh pihak bank (El-Din & Abdullah, 2007). Dalam amalan AITAB di Malaysia, kebiasaannya bayaran sewa terakhir akan dianggap sebagai

harga jualan aset tersebut (Khir et al., 2008). Secara ringkasnya modus operandi AITAB adalah seperti berikut:

- 1) Pelanggan mengenal pasti aset yang dikehendaknya dan seterusnya membuat permohonan pembiayaan AITAB kepada pihak bank. Pelanggan berjanji akan menyewa aset tersebut daripada pihak bank apabila pihak bank membelinya.
- 2) Bank mendapatkan pemilikan aset dengan membeli aset tersebut daripada pembekal berdasarkan spesifikasi yang dikehendaki oleh pelanggan.
- 3) Bank menyewakan aset tersebut kepada pelanggan pada harga sewa yang telah dipersetujui dengan memberi pilihan kepada pelanggan untuk membeli aset tersebut di akhir tempoh sewaan.
- 4) Bank memindahkan hakmilik aset kepada pelanggan melalui kontrak jual beli apabila tempoh sewaan telah berakhir dan semua bayaran sewa serta syarat-syarat kontrak telah dipenuhi oleh pelanggan.

Prinsip Kejujuran dalam Muamalat

Kejujuran merupakan prinsip asas dalam muamalat. Semua transaksi perdagangan mestilah dilakukan dengan jujur. Perkataan jujur jika diterjemah ke dalam bahasa Arab merujuk kepada perkataan *siddiq* yang bermaksud benar dan dipercayai. Ini menunjukkan bahawa kejujuran merujuk kepada konsep kebenaran. Oleh itu, prinsip kejujuran menghendaki agar pihak-pihak yang berkontrak melakukan transaksi dengan amanah dan mengelakkan sebarang bentuk penipuan dan *gharar*. *Gharar* merujuk kepada kejahilan atau kekaburan dalam sesuatu perkara yang boleh menyebabkan pertelingkahan di masa hadapan.

Sikap jujur ini telah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Baginda sangat terkenal dengan sikap jujur sehingga diberikan gelaran *al-amin* yang merujuk kepada kejujurannya dalam setiap transaksi yang dilakukan. Transaksi yang berlandaskan kepada prinsip kejujuran akan memberi faedah dan keuntungan kepada semua pihak yang terlibat; sebaliknya transaksi yang dilakukan dengan tidak jujur seperti penipuan akan menimbulkan kerugian dan kemudaratan kepada pihak lain (Nizar, 2018). Larangan terhadap ketidakjujuran dinyatakan dengan jelas dalam Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal (8:27) yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui”.

Transaksi perdagangan yang tidak jujur juga sangat dilarang oleh Nabi Muhammad S.A.W. seperti sabda Baginda,

Mafhum:

“Tidak dibenarkan seorang muslim menjual satu jualan yang mempunyai aib, kecuali ia menjelaskan aibnya” (HR. Ibn Majah)

Nabi juga bersabda,

Mafhum:

“Siapa yang menipu kami, maka dia bukan kelompok kami” (HR. Muslim)

Ini menunjukkan bahawa prinsip kejujuran melarang sebarang bentuk helah dan penipuan dalam suatu transaksi yang dijalankan. Larangan ini merangkumi penyembunyian fakta atau maklumat yang relevan dengan transaksi tersebut. Kegagalan untuk mendedahkan sebarang maklumat penting yang berkaitan dengan kontrak tertentu adalah bertentangan dengan etika muamalat dan pihak yang mengalami kerugian akibat kegagalan pendedahan maklumat boleh menamatkan kontrak tersebut (Ayub, 2007). Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa prinsip kejujuran mewajibkan pihak-pihak yang berkontrak untuk mendedahkan sebarang maklumat material yang berkaitan dengan transaksi tersebut. Pihak-pihak yang terlibat adalah tidak dibenarkan menyembunyikan apa-apa maklumat yang dianggap penting dan relevan dengan transaksi tersebut. Oleh itu, pendedahan maklumat yang relevan dan material dalam transaksi tertentu adalah sangat penting untuk menegakkan prinsip kejujuran.

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa konsep kejujuran merupakan elemen penting dalam muamalat. Prinsip kejujuran dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak yang berkontrak dan mengelakkan berlakunya penindasan terhadap sesuatu pihak. Tanpa kejujuran, suatu muamalat yang dilakukan boleh menimbulkan kerugian dan kemudaratan kepada pihak yang berkontrak. Selain itu elemen kejujuran dan keadilan juga merupakan faktor yang diambil kira oleh mahkamah sebagai pertimbangan utama dalam menentukan sama ada suatu perjanjian sewa beli itu boleh dikuatkuasakan atau pun tidak (Abdullah, 2009). Justeru, pembiayaan berasaskan AITAB yang dijalankan di Malaysia mestilah mematuhi prinsip kejujuran bagi memastikan transaksi tersebut memenuhi prinsip asas muamalat.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam konteks pembiayaan berasaskan AITAB di institusi perbankan Islam di Malaysia, prinsip kejujuran diaplikasikan melalui pendedahan maklumat oleh pihak bank dalam dokumen *Ijarah (leasing document)* yang merupakan dokumen tambahan kepada perjanjian AITAB (*Islamic Hire Purchase Facility Agreement*). Dokumen tersebut mengandungi maklumat berkaitan undang-undang yang mengawal selia pembiayaan AITAB, liabiliti penyewa untuk membayar deposit dan melindungi kenderaan di bawah skim takaful; serta liabiliti untuk membayar caj pembayaran lewat ke atas jumlah tertunggak. Selain itu, dokumen *Ijarah* juga mengandungi butiran aset yang akan disewa dan jika aset itu adalah kenderaan, ia meyatakan jenis kenderaan, nombor siri/pendaftaran, tarikh pendaftaran, model, tahun dibuat, kapasiti enjin, nombor enjin, nombor casis. dan warna asal. Dokumen tersebut juga memperuntukkan hak penyewa untuk membeli aset apabila bayaran sewa telah dijelaskan sepenuhnya. Di samping itu, dokumen tersebut mengandungi peruntukan tentang caj terma, jumlah sewa yang perlu dibayar, hak pemilik untuk mengambil semula aset serta hak untuk menuntut sebarang kerugian sekiranya berlaku keingkaran oleh penyewa atau jika kenderaan itu tidak diselenggara dengan baik.

Dalam aspek rangka kerja perundangan yang mengawal selia AITAB di institusi perbankan Islam di Malaysia, pendedahan maklumat yang dibuat oleh pihak bank dalam dokumen *Ijarah*

ini dapat memenuhi kehendak Polisi Dokumen Ijarah (BNM)¹ yang mengendaki institusi kewangan Islam menyediakan maklumat yang mencukupi dan relevan berkaitan pembiayaan *Ijarah* bermula pada peringkat pra-kontrak lagi.

Selain itu, pendedahan maklumat oleh pihak bank juga dapat dilihat dalam pernyataan bertulis sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua Akta Sewa Beli 1967 yang perlu disampaikan oleh pihak bank kepada penyewa sebelum memasuki kontrak AITAB. Pernyataan bertulis tersebut mengandungi perihalan ringkas tentang barang yang terkandung dalam perjanjian sewa beli dan ringkasan kewajipan kewangan penyewa di bawah perjanjian sewa beli yang dicadangkan seperti obligasi kewangan bakal penyewa, insurans, caj terma, serta maklumat tentang pembayaran ansuran. Dalam konteks perundangan sivil, pendedahan maklumat ini dapat memenuhi kehendak peruntukan Akta Sewa Beli 1967² bagi menjadikan sesuatu perjanjian AITAB itu sah dan dapat dikuatkuasakan di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa terdapat pendedahan maklumat oleh pihak pemilik iaitu pihak bank tentang spesifikasi produk, harga, bayaran bulanan, tempoh bayaran serta tanggungjawab pihak bank dan penyewa. Ini menunjukkan dalam pembiayaan AITAB pihak bank mendedahkan semua maklumat relevan berkaitan pembiayaan tersebut. Pendedahan ini amat penting bagi membolehkan penyewa membuat keputusan untuk memasuki kontrak AITAB berdasarkan maklumat yang betul. Selain itu para pelanggan juga perlu memberikan maklumat yang diperlukan seperti maklumat diri, dan pekerjaan. Maklumat ini penting bagi membolehkan pihak bank mengetahui kedudukan kewangan dan seterusnya menilai kelayakan untuk menjelaskan bayaran. Maklumat ini diperlukan bagi mengelakkan ketidakadilan kepada pihak bank yang akan menanggung kerugian akibat kegagalan penyewa untuk menjelaskan bayaran yang sepatutnya. Pendedahan maklumat tersebut akan mengelakkan berlakunya *gharar* kepada pihak-pihak yang berkontrak.

Walau bagaimanapun dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada suatu tempoh masa minimum yang ditetapkan di antara penyampaian dokumen *Ijarah* dan pemeteraian perjanjian AITAB. Penulis berpandangan bahawa ketiadaan tempoh minimum tersebut boleh mengurangkan keberkesanan terhadap pendedahan maklumat kerana sekiranya berlaku kelewatan terhadap penyampaian dokumen *Ijarah*, pelanggan mungkin tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyemak maklumat dengan teliti dan mempertimbangkan semula kewajipan kewangan mereka sebelum membuat keputusan untuk memasuki perjanjian AITAB. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan agar suatu tempoh minimum ditetapkan bagi penyampaian dokumen *Ijarah* sebelum menandatangani perjanjian AITAB supaya penyewa mempunyai peluang yang mencukupi untuk mempertimbangkan semula kewajipan kewangan mereka.

Di samping itu dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada keseragaman terhadap dokumen *Ijarah* yang digunapakai dalam transaksi AITAB di Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan agar suatu dokumen *Ijarah* standard digunapakai bagi memastikan keseragaman dokumen dalam pelaksanaan pembiayaan AITAB di institusi kewangan Islam Malaysia.

¹ Polisi Dokumen Ijarah, BNM (2018), paragraph S 32.2

² Akta sewa Beli 1967, seksyen 4(1)

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa prinsip kejujuran diaplikasikan dalam pembiayaan berasaskan AITAB di institusi perbankan Islam Malaysia melalui amalan pendedahan maklumat yang dibuat oleh pihak bank melalui dokumen *Ijarah* yang merupakan dokumen tambahan dalam perjanjian AITAB (*Islamic Hire Purchase Facility Agreement*). Pendedahan maklumat tersebut bukan sahaja dapat memenuhi konsep kejujuran yang dikehendaki dalam muamalat, bahkan ianya dapat memenuhi keperluan rangka kerja perundangan yang mengawal selia institusi perbankan Islam di Malaysia sebagaimana yang dikehendaki di bawah Polisi Dokumen Ijarah (BNM). Selain itu, pendedahan maklumat juga terkandung dalam pernyataan bertulis yang perlu disampaikan oleh pihak bank kepada bakal penyewa seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua Akta Sewa Beli 1967. Pendedahan maklumat tersebut dapat memenuhi keperluan perundangan sivil di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan membolehkannya berkuatkuasa di bawah Akta tersebut. Walau bagaimanapun, tiada suatu tempoh masa minimum yang ditetapkan di antara penyampaian dokumen *Ijarah* dan pemeteraian perjanjian AITAB. Selain itu tiada keseragaman terhadap dokumen *Ijarah* yang digunakan. Oleh itu, kertas kerja ini mencadangkan agar suatu tempoh minimum ditetapkan bagi penyampaian dokumen *Ijarah* sebelum menandatangani perjanjian AITAB supaya penyewa mempunyai peluang yang mencukupi untuk mempertimbangkan semula kewajipan kewangan mereka. Selain itu, suatu dokumen *Ijarah* standard perlu diwujudkan dan digunapakai bagi memastikan keseragaman dokumen dalam pembiayaan berasaskan AITAB di institusi perbankan Islam Malaysia.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Teknologi Malaysia yang telah menyediakan kemudahan bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

Akta Sewa Beli 1967 (akta 212) & Peraturan-Peraturan

Abdullah, N. (2009). Good Faith, Fair-Dealing and Disclosure Requirements in Hire-Purchase Contracts in Malaysia: Islamic and conventional Perspectives. *Journal of Islam in Asia*, 6(1), 123-148.

Ahmed, H. & Ibrahim, I. R. (2018). Financial Consumer Protection Regime in Malaysia: Assessment of the Legal and Regulatory Framework. *Journal of Consumer Policy*, Springer, 41(2), 159-175.

Al-Zuhaili, W. (1996). *Fiqh & Perundangan Islam*, (IV), Kuala Lumpur: DBP.

Awang, M. D., & Asutay, M. (2017). Maqasid al-Shariah perspectives on the Implementation of the Hire-Purchase Act 1967 in Malaysia with reference to al-Ijarah thumma al-Bai' Financing Contract. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20 (Special Edition 2), 36-56.

Ayub, M. (2007). *Understanding Islamic Finance*, (462): John Wiley & Sons.

BNM (2018). Policy Document Ijarah. BNM/RH/PD 028-2

Billah, M. M. s. (2019). Islamic Hire Purchase (Al-Ijarah Thumma Al-Bay'). In *Islamic Financial Products* (pp. 255-263): Palgrave Macmillan, Cham.

Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2006). Customers' perceptions of Islamic hire-purchase facility in Malaysia: an empirical analysis. *IUM Journal of Economics and Management*, 14(2), 177-204.

- El-Din, S. I., & Abdullah, N. I. (2007). Issues of implementing Islamic hire purchase in dual banking systems: Malaysia's experience. *Thunderbird International Business Review*, 49(2), 225-249.
- Hassan, R., Yusoff, A., & Muneeza, A. (2012). Legal Stains in the Malaysian Islamic Banking Practices of Al-Ijarah Thumma Al Bai'(AITAB). *World*, 2(1), 95-100.
- Khalid, O., Hamzah, S., Dahan, H.B., Al- Muhammadi, A.H., Muhammad Nor, B.M., Muhammad, A.H., Muhammad Ali, A.H. (2006). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: DBP
- Khair, K., Gupta, L., & Shanmugam, B. (2008). *Islamic banking: A practical perspective*: Pearson Malaysia.
- Marbawiy, M.I.A. (1350 H). *Kamus al-Marbawiy Arab Melayu*. Mesir: Mustafa Al-Baabi Al-Halaby.
- Nizar, M. (2018). Prinsip Kejujuran dalam Perdagangan Versi Islam. *Jurnal Istiqro: Jurnal Hukum Islam, Ekonomi dan Bisnis*, 4(1), 94-102.
- Sahih Muslim 102 (Book 1, Hadith 190). islamicity.org/hadith/search
- Sunan Ibn Majah 2246 (Book 12, Hadith 110). islamicity.org/hadith/search
- Syahrul, S. & Abdullah, M.W. (2019). *Islamic Entrepreneurship Based on the Concept of Honesty*. International Conference on Islamic Economics and Business, 39-50.
- Yusoff, R., Kamdari, N.A.M. & Masri, D. N. A. (2013). *Selection Factors of the Acceptance Al-Ijarah Thumma Al-BAY' (AITAB) in Shah Alam*. 5th Islamic Economics System Conference, 4-5 Sep. Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur, 1-25.